



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESEDIAAN GURU PELATIH PENDIDIKAN ISLAM UNIVERSITI
PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI) TERHADAP SIKAP
PROFESIONALISME DALAM LATIHAN MENGAJAR DI SEKOLAH**

NOR YASMIN BINTI AHMAD GHAZALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGAKUAN

“ Saya akui bahawa karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya”

Tandatangan :



Nama Penulis : NOR YASMIN BINTI AHMAD GHAZALI

Tarikh : 30 JANUARI 2023



PENGHARGAAN

Alhamdulillah segala puji bagi Allah SWT penguasa Alam Semesta, selawat dan salam ke atas junjungan Baginda Nabi Muhammad Ibnu Abdullah SAW, keluarga Baginda, para sahabat dan mereka yang turut serta bersama Baginda dalam memperjuangkan Islam yang kita nikmati sekarang. Syukur ke hadrat Ilahi di atas taufik dan hidayah-Nya kerana dikurniakan ilham, kesabaran, kesihatan dan kekuatan kepada pengkaji sehingga dapat menyiapkan latihan ilmiah yang bertajuk **“Kesediaan Guru Pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Terhadap Sikap Profesionalisme Dalam Latihan Mengajar Di Sekolah”** dalam tempoh masa yang diberikan.

Di kesempatan ini, pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada penyelia latihan ini iaitu Dr Murihah Binti Abdullah atas segala bimbingan nasihat dan teguran yang diberikan sepanjang tempoh menyiapkan latihan ilmiah ini.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada ayahanda serta bonda tersayanag, Encik Ahmad Ghazali bin Alias dan Puan Norisan binti Md Yasin serta adik-beradik yang tidak jemu mendoakan kejayaan pengkaji,serta memberi sokongan,galakan dan semangat yang tidak putus-putus sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini.Sekalung penghargaan ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya rakan-rakan ISMP Pendidikan Islam yang telah banyak memberi sokongan dan nasihat serta tunjuk ajar dalam menyempurnakan latihan ilmiah ini.

Semoga Allah SWT membalas jasa budi semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang menyiapkan latihan ilmiah ini. Akhir kata diharapkan latihan ilmiah ini menjadi pengetahuan dan panduan kepada pembaca. Semoga segala usaha diberkati Allah SWT.

Sekian terima kasih,

Pengkaji,
NOR YASMIN BT AHMAD GHAZALI
Jabatan Pengajian Islam,
Fakulti Sains Kemanusiaan,
Universiti Pendidikan Sultan Idris



DEDIKASI

Dituju khas untuk

Ayahanda dan Bonda dan Keluarga yang disayangi

Encik Ahmad Ghazali Bin Alias

Puan Norisan Binti Md Yasin

Sekalung Terima kasih kepada

Pensyarah Penyelia

Dr. Murihah Binti Abdullah

dan

pensyarah –pensyarah

Setinggi-tinggi penghargaan buat

Sahabat-sahabat seperjuangan

AT35 Pendidikan Islam



ABSTRAK

Kesediaan guru pelatih Pendidikan Islam terhadap sikap profesionalisme adalah penting. Hal ini kerana dengan mengamalkan sikap profesionalisme dapat menjadi guru pelatih tersebut menjadi seorang guru yang berkualiti pada masa akan datang. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kesediaan guru pelatih Pendidikan Islam di Universiti Pendidikan Sultan Idris terhadap sikap profesionalisme dalam latihan mengajar. Kajian dilakukan secara kuantitatif dengan menggunakan instrument borang soal selidik. Kajian ini melibatkan 31 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam UPSI daripada semester 6 dan semester 7 yang telah menjalani Latihan Mengajar 1 (LM1) pada Ogos 2022 sehingga Oktober 2022. Hasil dapatan kajian yang diperolehi telah dianalisis menggunakan perisian *SPSS* dengan kaedah deskriptif untuk mendapatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawaian. Hasil dapatan kajian mendapati persepsi guru pelatih Pendidikan Islam terhadap profesionalisme adalah tinggi ($\text{min}=4.28, \text{sp}=0.884$). Hasil dapatan kajian terhadap kesediaan guru pelatih pendidikan Islam terhadap profesionalisme juga tinggi ($\text{min}=4.42, \text{sp}=0.734$). Tambahan lagi, hasil dapatan kajian terhadap kesan profesionalisme terhadap guru pelatih Pendidikan Islam yang tinggi ($\text{min}=4.54, \text{sp}=0.780$). Berdasarkan daripada dapatan kajian ini, diharapkan sikap profesionalisme ini dapat ditingkatkan untuk memberi kesan yang positif terhadap guru pelatih dan juga kerjaya mereka dalam bidang perguruan.

Kata Kunci: Kesediaan, Guru Pelatih, Profesionalisme, Pendidikan Islam, Latihan





THE READINESS AMONG ISLAMIC EDUCATION TRAINEE TEACHERS OF UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS TOWARDS PROFESSIONAL ETHICS DURING TEACHING TRAINING IN SCHOOL

ABSTRACT

The readiness of Islamic Education trainee teachers towards professional ethics is a must. This is because by practicing professional ethics could lead the trainee teachers become a good quality educator in the future. A research has been conducted to analyse the readiness among Islamic Education trainee teachers at Universiti Pendidikan Sultan Idris towards professional ethics during teaching training. The research was carried out quantitatively by using questionnaire instrument. This study involved 31 students of Bachelor in Islamic Education UPSI among semesters 6 and 7, who had completed Teaching Training 1 (LM1) from August 2022 until October 2022. The research results were analysed by using SPSS software with descriptive method to obtain frequency, percentage, mean and standard deviation. The results showed that perception of Islamic Education trainee teachers towards professional ethics was higher (Mean=4.28, StdDev=0.084). Furthermore, the results also showed that the readiness of Islamic Education trainee teachers towards professional ethics was higher (Mean=4.42, Std.Dev=0.734). Moreover, the research results for the impact of professional ethics among Islamic Education trainee teachers also higher (Mean=4.54, Std.Dev=0.780). Based on the results obtained, this professional ethics can be improved to give positive impacts to trainee teachers and also their career in teaching field.

Keyword: Readiness, Trainee Teachers, Professional Ethics, Islamic Education, Teaching Training





ISI KANDUNGAN

PENGAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
DEDIKASI	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	7
1.7 Kerangka Teori Kajian	8
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Batasan Skop Kajian	10
1.10 Definisi Operasional	11
1.11 Kesimpulan	12
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	13
2.2 Keguruan Sebagai Satu Profesion	13
2.3 Etika Perguruan	17
2.4 Profesionalisme	19
2.5 Latihan Mengajar	20
2.6 Kajian Literatur	22
2.7 Kesimpulan	24
	vi



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	25
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Tempat Kajian	26
3.4	Populasi Kajian	26
3.5	Instrumen Kajian	26
3.6	Prosedur Pengumpulan Data	29
3.7	Kesahan	29
3.8	Analisis Data	30
3.9	Kesimpulan	31

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	32
4.2	Bahagian A: Demografi Responden	32
4.3	Bahagian B C, Dan D: Hasil Dapatan Kajian	35
4.4	Kesimpulan	65

BAB 5 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN KAJIAN

5.1	Pengenalan	66
5.2	Rumusan Kajian	66
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	67
5.4	Implikasi Kajian	72
5.5	Cadangan Kajian	73
5.6	Kesimpulan	75

RUJUKAN**LAMPIRAN**

**SENARAI JADUAL**

JADUAL	TAJUK	HALAMAN
Jadual 3.1	Item-item soalan yang diberi kepada responden	27
Jadual 3.2	Skala Likert Persetujuan	28
Jadual 3.3	Contoh item soalan berdasarkan skala likert	29
Jadual 3.4	Intrepetasi Skor Min	30
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	32
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Umur	33
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Semester	33
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Keputusan Latihan Mengajar	33
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Jenis Sekolah Semasa Latihan Mengajar	34
Jadual 4.6	Saya berminat untuk melibatkan diri dalam bidang perguruan	35
Jadual 4.7	Saya bersedia untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam bidang perguruan	36
Jadual 4.8	Saya bersedia untuk menjalankan tugas saya sebagai guru Pendidikan Islam selepas tamat pengajian	37
Jadual 4.9	Saya mendapati bahawa saya mempunyai personaliti sebagai seorang guru Pendidikan Islam	38
Jadual 4.10	Saya mendapat bahawa saya mempunyai kemampuan untuk melibatkan diri dalam bidang perguruan	39
Jadual 4.11	Saya bersedia untuk bertanggungjawab terhadap pelajar saya semasa di sekolah	40
Jadual 4.12	Saya bersedia untuk memberi komitmen dalam bidang perguruan dengan baik	41
Jadual 4.13	Saya bersedia untuk bertanggungjawab dengan rakan sejawat semasa di sekolah	42
Jadual 4.14	Saya tahu bahawa guru merupakan satu kerjaya professional yang baik	43
Jadual 4.15	Saya bersedia untuk menjadi guru pendidikan Islam yang profesional	44
Jadual 4.16	Saya sentiasa menulis rancangan pengajaran harian (RPH) sebelum memula pengajaran dan pembelajaran	45





Jadual 4.17	Saya dapat menyiapkan rancangan pengajaran harian (RPH) pada setiap minggu dan menghantarnya kepada pengetua	46
Jadual 4.18	Saya membuat tugas yang diarahkan oleh Guru Besar/Pengetua dari semasa ke semasa	47
Jadual 4.19	Saya sentiasa hadir ke sekolah tepat pada masa yang ditetapkan	48
Jadual 4.20	Saya memasuki kelas tepat pada waktunya mengikut jadual waktu yang telah ditetapkan	49
Jadual 4.21	Saya memakai pakaian yang kemas dan sesuai mengikut peraturan yang telah ditetapkan semasa di sekolah	50
Jadual 4.22	Saya sentiasa memakai tanda nama sepanjang berada di sekolah	51
Jadual 4.23	Saya menunjukkan sikap, disiplin dan tingkah laku yang bersesuaian dengan imej Guru Pendidikan Islam semasa di sekolah	52
Jadual 4.24	Saya pernah menghadiri taklimat, mesyuarat dan perbincangan yang dianjurkan oleh sekolah	53
Jadual 4.25	Saya sentiasa menghormati pengetua, pentadbir serta rakan-rakan sejawat semasa di sekolah	54
Jadual 4.26	Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dapat menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran saya semasa di sekolah dengan lancar.	55
Jadual 4.27	Saya memberi komitmen kepada sekolah dengan melakukan kerja yang diberikan oleh pengetua	56
Jadual 4.28	Saya dapat meningkatkan sikap rajin dalam diri dengan melibatkan diri di dalam program yang dianjurkan oleh sekolah	57
Jadual 4.29	Saya dapat menjaga imej sebagai seorang guru dengan menjaga penampilan sesuai dengan peraturan sekolah	58
Jadual 4.30	Saya menunjukkan sikap positif kepada murid untuk dijadikan sebagai contoh semasa di sekolah	59
Jadual 4.31	Saya mempunyai hubungan yang profesional dengan rakan sekerja dengan bertegur sapa dengan mereka semasa di sekolah	60
Jadual 4.32	Saya dapat menimba ilmu yang baharu mengenai alam peguruan semasa di sekolah	61
Jadual 4.33	Saya dapat memperbaiki kelemahan saya terhadap pengajaran semasa di sekolah	62
Jadual 4.34	Saya dapat melatih diri semasa berada di sekolah untuk bersikap sentiasa menimba ilmu	63



Jadual 4.35

Saya dapat melatih diri untuk menjadi seorang yang profesional dalam kerjaya perguruan.

64



SENARAI RAJAH

RAJAH	TAJUK	HALAMAN
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	7
Rajah 1.2	Kerangka Teori Kajian	9
Rajah 2.1	Model 5M Guru Pendidikan Islam	16





SENARAI SINGKATAN

BBM	Bahan Bantu Mengajar
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
ICT	Teknologi Maklumat Dan Komunikasi
LM	Latihan Mengajar
PAK-21	Pembelajaran Abad Ke -21
PIBG	Persatuan Ibu bapa dan Guru
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PTB	Perpustakaan Tuanku Bainun
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
SGM	Standard Guru Malaysia
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SPSS	<i>Statistical Package For The Social Sciences</i>
SRA	Sekolah Rendah Agama
SWT	Subhanahu Wa Taala
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A Borang Soal Selidik Responden

LAMPIRAN B Borang Perakuan Keaslian Penulisan



BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan adalah merupakan asas di dalam kehidupan manusia dalam menjadikan sesebuah masyarakat itu bertamadun (Zainab Ismail et al.,2019). Pendidikan bukan sahaja dapat memberi ilmu kepada manusia, malahan ianya dapat mendidik seseorang itu membentuk peribadi, rohani dan juga emosi sekaligus menjadi seseorang menjadi individu yang seimbang. Bagi mendapatkan pendidikan tersebut sekolah adalah merupakan tempat yang tepat untuk mendapatkan pendidikan dan guru adalah merupakan orang yang bertanggungjawab untuk mendidik seseorang itu menjadi seorang insan yang seimbang. Namun, tugas mendidik ini bukan terletak di bahu guru semata-mata ianya juga menjadi tanggungjawab pihak lain seperti ibu bapa, masyarakat serta ramai lagi.

Pada zaman kini, memang tidak dinafikan bahawa tugas seorang guru lebih mencabar kerana kemajuan pendidikan yang berkembang pesat dimana pendidikan pada masa kini banyak menggunakan kemudahan ICT dalam pendidikan yang menuntut para guru dan pendidik untuk lebih berusaha dalam menyesuaikan diri mereka terhadap perubahan ini. Sektor pendidikan di negara Malaysia ini mempunyai kepentingan yang amat luas yang mana ianya memberi kesan terhadap pembangunan negara. Hal ini menjadi profesion guru terpaksa untuk menghadapi cabaran bagi melaksanakan dan menentukan matlamat-matlamat negara dicapai dengan lebih berkesan.

Perkembangan pendidikan yang berlaku ini adalah untuk menyahut matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Shah Rulbani et. al, 2017). Oleh demikian, guru-guru pada masa kini perlu berkualiti supaya dapat menyesuaikan diri dalam pendidikan abad ke-21(PAK-21) ini. Maka, untuk menjadi guru yang berkualiti, seseorang guru tersebut perlu melengkapi diri mereka dengan ciri-ciri yang kualiti yang



diperlukan supaya dapat membawa tahap pendidikan negara kearah yang lebih maju dan cemerlang.

Oleh itu, di antara ciri-ciri guru yang berkualiti adalah hendaklah mempunyai sahsiah dan akhlak yang baik iaitu bersifat sabar, berlapang dada, tidak putus asa, berwibawa, merendah diri, bijaksana, ikhlas dan sebagainya (Azhar Muhammad et. al, 2007). Selain itu juga, seorang guru tersebut perlu mempunyai jiwa untuk menjadi guru dan sikap profesionalisme yang tinggi supaya lebih bersemangat dan komited dalam profesion guru.

1.2 Latar Belakang Kajian

Profesion guru adalah merupakan profesion yang menuntut seseorang tersebut mempunyai pengetahuan yang baik serta komited dalam meluaskan ilmu pengetahuan kepada masyarakat melalui usaha yang berterusan. Menurut Azhar Muhammad et. al, (2007), beliau menyatakan bahawa dalam sesebuah institusi pendidikan sekolah, guru adalah merupakan individu yang memainkan peranan penting bagi memastikan sesuatu pengajaran dan pembelajaran tersebut berkesan. Maka untuk menjadikan sesuatu pengajaran dan pembelajaran itu berkesan, guru perlu mempunyai ciri-ciri seperti kemahiran dalam penyampaian, sentiasa melakukan penilaian dan membentuk hubungan yang mesra dengan pelajar

Selain daripada ciri-ciri tersebut, guru juga perlu mempunyai sikap profesionalisme dalam memartabatkan profesion guru. Hal ini dimana dalam melayari cabaran pendidikan abad ke- 21 ini, guru perlu bersikap profesionalisme dalam kerjaya mereka kerana ianya sering dikaitkan dengan kualiti pendidikan yang mana ianya dicerminkan melalui pencapaian pelajar (Habibah, 2017). Hal ini kerana,guru yang mempunyai kualiti yang baik maka akan melahirkan pelajar yang cemerlang. Justeru itu, sikap profesionalisme yang perlu ada pada diri seseorang guru adalah dengan mempunyai sikap dan sahsiah yang baik, memberi komited yang cemerlang dalam bidang perguruan dan sebagainya. Seorang guru juga perlu mempunyai minat yang mendalam untuk menjadi seorang guru. Hal ini kerana seorang guru adalah merupakan orang yang bertanggungjawab dalam memberi ilmu kepada para pelajar sekaligus



membentuk peribadi mereka (Abdul Ghafar et. al, 2008). Jika seorang guru tidak mempunyai minat yang mendalam terhadap profesionnya, ini akan menyebabkan guru tersebut tiada jiwa untuk mendidik para pelajar dan sudah tentunya guru tersebut tidak dapat memberi komitmen yang baik terhadap profesionnya dan tidak akan menjadi seorang guru yang mempunyai sikap profesionalisme dalam kerjayanya.

Seterusnya, sebelum seseorang tersebut bergelar guru mereka perlu menjalani latihan mengajar yang juga dikenali sebagai praktikum semasa berada di pengajian tinggi. Latihan mengajar adalah merupakan salah satu perkara yang perlu ditempuh oleh guru untuk menghadapi dan merasai suasana sekolah yang sebenar. Hal ini kerana, pengalaman mengajar disekolah tidak sama dengan teori yang dipelajari semasa di institusi pendidikan di pengajian tinggi. Latihan mengajar yang berkesan mampu menjadikan seseorang guru pelatih itu menjadi guru yang cemerlang sekaligus menjadi seorang guru yang berkualiti (Mohd. Fuad et.al, 2016) Program latihan mengajar ini adalah sangat penting dalam bidang perguruan sesuai dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Melalui latihan mengajar ini, guru dapat mempelajari pelbagai perkara dan memberi peluang kepada guru pelatih untuk mempraktikan teori yang dipelajari di institusi pengajian tinggi masing-masing.

Disamping itu, seorang guru pelatih haruslah memberi komitmen yang tinggi sepanjang mereka menjalani latihan mengajar di sekolah. Hal ini supaya guru pelatih tersebut dapat menjalani latihan mengajar dengan baik dan sempurna. Namun, terdapat persoalan apakah guru pelatih ini bersedia memberi komitmen mereka semasa latihan mengajar sekaligus dapat mencerminkan sikap profesionalisme mereka dalam bidang perguruan. Ini kerana mereka yang tidak biasa akan suasana di sekolah serta tidak mempunyai apa-apa pengalaman dalam bidang pendidikan akan menyebabkan mereka sukar untuk menunjukkan sikap profesionalisme.

Maka, sepanjang guru pelatih berada disekolah bagi menjalani latihan mengajar sudah semestinya mereka perlu bersikap profesionalisme sepanjang berada di sekolah yang mana sikap tersebut menunjukkan ciri-ciri seorang pendidik yang bagus. Hal ini kerana ianya menjadikan guru pelatih tersebut menjadi seorang guru yang cemerlang apabila sudah menjadi guru yang sebenar pada masa akan datang. Antaranya sikap



profesionalisme yang perlu ada pada seseorang guru pelatih adalah mengikuti peraturan sekolah yang telah ditetapkan, menunjukkan sikap peribadi yang bagus, mampu merancang rancangan pengajaran harian (RPH) bagi setiap kelas yang diajar, menguasai ilmu pengetahuan tentang matapelajaran yang diajar dan banyak lagi. Namun, terdapat juga guru pelatih yang gagal untuk memenuhi ciri-ciri ini (Azhar Muhammad et.al,2007). Hal ini disebabkan guru pelatih tersebut tidak mengambil serius akan sikap profesionalisme ini dan mereka juga menganggap bahawa latihan mengajar ini adalah suatu perkara yang tidak penting.

1.3 Penyataan Masalah

Dalam dunia pendidikan, guru adalah merupakan individu yang memainkan peranan yang penting dalam mendidik pelajar dan memastikan pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan lancar (Azhar Muhammad et.al,2007). Hal ini kerana ianya merupakan tanggungjawab guru dalam bidang pendidikan. Oleh demikian, seorang guru perlulah mempunyai ciri-ciri peguruan yang sangat baik supaya dapat menjadikan sesebuah pengajaran itu berkualiti dan objektif pengajaran dapat dicapai serta menjadikan seseorang guru itu cemerlang. Maka, guru-guru pelatih yang akan menjadi seorang guru yang sebenar perlu memberi perhatian mereka kepada etika perguruan dan sikap profesionalisme supaya dapat menjadikan diri mereka sebagai seorang guru yang berkualiti apabila tamat pengajian.

Namun, dapat dilihat bahawa terdapat juga guru-guru pelatih yang mempunyai sikap tidak beretika semasa menjalani latihan mengajar di sekolah (Abdul Ghafar et.al, 2008). Hal ini kerana salah satu punca guru-guru pelatih ini tidak mempunyai sikap profesionalisme semasa latihan mengajar adalah kerana adanya diantara mereka yang tidak mempunyai minat dalam bidang perguruan. Ini disebabkan mereka yang mengambil kursus perguruan di universiti adalah disebabkan oleh desakan daripada ibu bapa mereka yang mahu mereka menjadi seorang guru atau kursus perguruan tersebut hanya peluang mereka untuk melanjutkan pembelajaran di peringkat ijazah atau mereka merasa bahawa bidang perguruan adalah merupakan bidang yang mudah untuk mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.



Maka, disebabkan perkara ini terjadinya isu yang mana guru pelatih tidak menunjukkan etika perguruan yang baik semasa di sekolah dan antara isu yang sering terjadi adalah guru-guru pelatih tidak merancang rancangan pengajaran harian (RPH) sebelum waktu pengajaran, tidak menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) semasa pengajaran, tidak mengikut (RPH) dan sebagainya. Perkara-perkara ini telah melanggar kepada etika perguruan dan menunjukkan bahawa mereka bersikap tidak profesionalisme dalam bidang perguruan. Ada juga guru-guru pelatih yang menunjukkan sikap negatif semasa mereka menjalani latihan mengajar iaitu melanggar etika dan peraturan sekolah yang telah ditetapkan, hadir ke sekolah lewat, memakai pakaian yang tidak bersesuaian dengan imej seorang guru, tidak masuk ke kelas seperti yang telah ditetapkan di dalam jadual waktu mengajar, mempunyai hubungan yang kurang baik dengan warga sekolah dan sebagainya (Azhar Muhammad et.al,2007). Ini menunjukkan bahawa tahap profesionalisme mereka berada ditahap yang rendah.

Selain itu, sikap profesionalisme oleh guru-guru pelatih yang menjalani latihan mengajar di sekolah ini berada di tahap yang rendah juga kerana mereka ini tidak atau kurang mempunyai pengalaman dalam mengajar di sekolah (Abdul Rasid et.al, 2015). Ini kerana mereka baru sahaja mahu mempunyai pengalaman dalam mengajar yang mana latihan mengajar yang mereka jalani tersebut adalah merupakan pengalaman yang pertama bagi mereka dan mereka juga tidak mengetahui suasana sekolah yang sebenar dan hanya berbekalkan teori dan ilmu yang dipelajari semasa di institusi pengajian mereka. Oleh demikian, perkara ini adalah menjadi salah satu isu atau punca yang menyebabkan guru-guru pelatih tidak mempunyai sikap profesionalisme semasa menjalani latihan mengajar.

Seterusnya, isu guru pelatih tidak bersikap profesionalisme juga adalah disebabkan mereka mempunyai kekangan semasa menjalani latihan mengajar (Mohd. Fuad et.al, 2016) Hal ini kerana mereka mempunyai kekangan dan mereka tidak mampu untuk mengatasi kekangan tersebut. Ini memberi kesan kepada mereka iaitu menyebabkan mereka merasa tekanan akibat daripada kekangan tersebut. Oleh demikian, diantara kekangan tersebut adalah kekangan dari segi kewangan yang mana mereka kekurangan sumber pendapatan dalam menyesuaikan diri mereka dengan suasana yang baharu. Ini



kerana ada di antara mereka yang terpaksa untuk menyewa rumah berdekatan dengan sekolah dan mereka juga terpaksa belajar perkara yang mereka perlu memenuhi keperluan diri mereka secara bersendirian. Maka, disebabkan isu ini tercetusnya isu guru pelatih tidak dapat memberi komitmen yang baik semasa menjalani latihan mengajar. Contohnya, kekangan dari segi kewangan menyebabkan guru pelatih sukar untuk menyediakan bahan bantu mengajar (BBM). Hal ini menyebabkan pengajaran guru pelatih tersebut kurang berkualiti kerana guru pelatih tersebut tidak menyediakan (BBM). Oleh demikian, kajian ini amat penting kepada guru pelatih pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana kajian ini akan memberi kesedaran kepada mereka bahawa sikap profesionalisme adalah penting semasa mereka menjalani latihan mengajar.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk:

1.4.1 Mengenalpasti persepsi guru-guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap sikap profesionalisme dalam latihan mengajar di sekolah

1.4.2 Mengenalpasti kesediaan guru-guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap sikap profesionalisme dalam latihan mengajar di sekolah

1.4.3 Mengenalpasti kesan profesionalisme terhadap guru-guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam latihan mengajar di sekolah

1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan berikut:

1.5.1 Apakah persepsi guru-guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap sikap profesionalisme dalam latihan mengajar di sekolah?

1.5.2 Apakah kesediaan guru-guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap sikap profesionalisme dalam latihan mengajar di sekolah?


1.5.3 Apakah kesan profesionalisme terhadap guru-guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam latihan mengajar di sekolah?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian

Pengkaji membina kerangka konseptual kajian ini adalah berdasarkan daripada objektif dan persoalan kajian yang telah dibina. Gambar rajah 1.0 adalah merupakan kerangka konseptual tersebut yang memberi gambaran aspek-aspek yang ingin dikaji oleh pengkaji dalam kajian ini. Antara pembolehubah utama yang ingin dikaji adalah persepsi guru pelatih, kesediaan guru pelatih dan kesan profesionalisme terhadap guru pelatih pendidikan Islam UPSI sewaktu menjalani latihan mengajar. Ketiga-tiga pembolehubah ini memainkan peranan yang penting terhadap sikap profesionalisme guru pelatih semasa praktikum.

Justeru itu, pengkaji memfokuskan tiga perkara yang utama iaitu persepsi, kesediaan dan kesan yang akan menentukan kesediaan guru pelatih pendidikan Islam terhadap sikap profesionalisme dalam latihan mengajar. Berikut merupakan rajah 1.0 yang memperlihatkan perkaitan antara pembolehubah dalam kajian ini.

Rajah 1.1 Kerangka Konseptual Kajian




1.7 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori kajian ini adalah berdasarkan daripada model Standard Guru Malaysia 2009 dan teori Imam Al-Ghazali tentang pemikiran Rabbani. Standard Guru Malaysia (SGM) merupakan panduan yang disediakan untuk mencapai kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh seorang guru Model SGM ini mencakupi pelbagai aspek untuk mencapai guru yang berkualiti.

Manakala, kerangka teori kajian menurut Islam adalah mengikut kepada teori Imam al-Ghazali mengenai pemikiran rabbani. Pemikiran Rabbani adalah merupakan pemikiran di dalam diri seorang guru pendidikan Islam yang mana ianya dibentuk dengan memahami dan mempercayai komponen-komponen ilmu yang telah digariskan oleh Imam Al-Ghazali iaitu ilmu tentang diri sendiri, ilmu tentang Allah, ilmu tentang dunia dan ilmu tentang akhirat (Noornajihan Jaafar, 2016). Maka, jika seseorang guru pendidikan Islam tersebut memahami akan perkara-perkara tersebut maka jelaslah untuk meletakkan Allah swt sebagai pengaruh yang paling utama dalam pembentukan peribadi seorang guru.

Menurut Imam Al-Ghazali juga, keempat-empat komponen ilmu yang telah dijelaskan di atas dapat memberi nilai epistemologi Islam di dalamnya iaitu dengan mengangkat dua sumber iaitu rabbaniyah dan sumber insaniyah sekaligus (Noornajihan Jaafar, 2016). Hal ini menjelaskan bahawa Allah adalah merupakan tujuan kehidupan dan akhirat. Maka, guru pendidikan Islam yang mempunyai pemikiran ini akan menjadikan Allah swt sebagai pengaruh yang paling kuat kepada pembentukan peribadi dan hasilnya pembentukan peribadi tersebut mempengaruhi kepada keseluruhan amalan dan tindakan guru tersebut dalam pengajaran dan pembelajaran serta profesionalisme guru dalam bidang pendidikan. Maka, gabungan antara kedua teori ini kedua-duanya menghasilkan kepada amalan profesionalisme guru. Berikut merupakan gambar rajah mengenai kerangka konseptual ini:

Rajah 1.2 Kerangka Teori Kajian



1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini adalah untuk mendapatkan maklum balas daripada guru-guru pelatih mengenai kesediaan mereka terhadap sikap profesionalisme semasa menjalani latihan mengajar disekolah iaitu meliputi beberapa perkara seperti kesediaan guru terhadap sikap profesionalisme, persepsi guru dan kesan profesionalisme terhadap guru semasa latihan mengajar di sekolah.

1.8.1 Kementerian

Kajian ini juga adalah memberi kepentingan kepada pihak atasan dalam bidang pendidikan iaitu Kementerian Pendidikan dalam meningkatkan lagi kualiti pendidikan dan keluaran guru pada masa akan datang. Selain itu, kajian ini dapat membantu untuk merancang, meningkatkan dan memantau pelaksanaan kurikulum yang sedia ada dan memantau pelaksanaan praktikum guru pelatih.

1.8.2 Universiti

Seterusnya kepentingan kajian ini juga adalah dapat membantu pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris UPSI kerana universiti ini adalah merupakan universiti khusus untuk bidang perguruan dimana dapat membantu pihak Fakulti Pendidikan UPSI untuk melakukan penyelidikan bagi meningkatkan kualiti guru –guru pelatih yang berkualiti dan cemerlang serta membantu mereka untuk merangka strategi baru bagi membantu guru – guru pelatih dalam menjalani latihan mengajar.

1.8.3 Guru Pelatih

Kajian ini juga memberi kepentingan kepada guru-guru pelatih yang membaca kajian ini lebih-lebih lagi guru pelatih Pendidikan Islam dimana dapat membantu mereka untuk lebih mengambil berat mengenai sikap profesionalisme semas latihan mengajar sekaligus menjurus ke arah menjadi guru yang cemerlang dan berkualiti pada masa akan datang

1.9 Batasan Skop Kajian

Dalam kajian ini, penyelidik membataskan kajian terhadap kesediaan guru pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris terhadap sikap profesionalisme semasa latihan mengajar di sekolah. Kajian ini dilaksanakan ke atas guru-guru pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) yang menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah seluruh Malaysia pada bulan Ogos sehingga Oktober 2022. Responden kajian yang dipilih adalah semua guru pelatih Pendidikan Islam UPSI seperti yang telah dijelaskan di atas yang mana mereka ini terdiri daripada pelajar semester 6 dan 7.

Aspek yang dikaji dalam kajian ini adalah untuk melihat persepsi guru-guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap sikap profesionalisme dalam latihan mengajar di sekolah, kesediaan guru-guru pelatih Pendidikan Islam UPSI terhadap sikap profesionalisme dalam latihan mengajar di sekolah dan untuk melihat kesan profesionalisme terhadap guru-guru pelatih Pendidikan Islam UPSI dalam latihan mengajar.

1.10 Definisi Operasional

Definisi operasional menjelaskan beberapa istilah secara spesifik mengenai kajian yang ingin dijalankan. Hal ini bertujuan untuk memberi kefahaman yang jelas kepada pembaca. Dalam kajian ini terdapat beberapa istilah yang dikenalpasti oleh pengkaji

1.10.1 Kesediaan

Menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat 2005, kesediaan memberi maksud perihal sedia, kesanggupan, dan kerelaan. Selain itu, menurut Ismail Zain (2012) kesediaan bermaksud merupakan satu proses yang melibatkan pengintegrasian aspek fizikal, mental, dan emosi (kejiwaan) seseorang insan dalam melaksanakan sesuatu tindakan. Dalam konteks kajian ini, kesediaan adalah merupakan kesediaan guru pelatih Pendidikan Islam terhadap sikap profesionalisme dalam latihan di sekolah

1.10.2 Guru Pelatih

Guru menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat 2005 adalah bermaksud orang yang mengajar, pendidik, pengajar dan pengasuh. Manakala pelatih pula bermaksud orang yang dilatih untuk mahir akan sesuatu perkara (Mohd. Fuad, 2016). Guru pelatih di dalam kajian ini adalah bermaksud bakal guru yang diwajibkan untuk menjalani latihan mengajar untuk memberi pendedahan kepada mereka mengenai situasi sekolah yang sebenar. Guru pelatih dalam kajian ini difokuskan kepada guru pelatih Pendidikan Islam Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

1.10.3 Profesionalisme

Menurut Sharifah Haayati et.al, (2009), profesionalisme adalah bermaksud sifat-sifat kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan sesuatu perkara dilakukan oleh seseorang secara profesional. Manakala menurut Graham Parr (2004), profesionalisme adalah merujuk kepada kebertanggungjawaban, tahap kecekapan dan tanggungjawab yang harus dipegang oleh seorang profesional

1.10.4 Pendidikan Islam

Menurut Mohd Roslan et.al, (2011) Pendidikan membawa maksud proses menyampaikan ilmu kepada seseorang yang belum memilikinya untuk digunapakai oleh

individu tersebut dalam kehidupan seharian. Manakala Pendidikan Islam pula bermaksud suatu proses menyampaikan ilmu kepada seseorang dalam usaha untuk membentuk peribadi dan sahsisah dalam kehidupan seharian berlandaskan ajaran Islam (Mohd Roslan et.al, 2011)

1.10.5 Latihan Mengajar

Latihan Mengajar atau praktikum membawa maksud suatu proses di mana seseorang guru pelatih berpeluang melengkapkan dan mengaplikasikan keilmuan dan kemahiran pada peringkat akhir pengajian bidang perguruan (Suhana et.al, 2016). Zaidah Muhaini (2022) menyatakan bahawa latihan mengajar adalah latihan praktik yang memberi peluang kepada pelajar mengamalkan pengetahuan, kemahiran dan nilai keguruan secara reflektif. Manakala latihan mengajar di dalam kajian ini membawa maksud latihan mengajar kali pertama bagi guru pelatih Pendidikan Islam UPSI.

1.11 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, guru pendidikan Islam bukan sahaja berperanan untuk mengajar pelajar, namun guru pendidikan Islam juga berperanan sebagai modal insan dengan menunjukkan sikap profesionalisme semasa mengajar. Jika seseorang guru itu mempunyai sikap profesionalisme yang tinggi akan menjadi guru tersebut berkualiti dan akan dihormati. Guru memainkan peranan sebagai contoh dan ikutan kepada pelajar semasa di sekolah. Maka, diharapkan supaya guru pendidikan Islam dapat memberikan contoh yang baik kepada pelajar.